

Bil. S 31

**AKTA PERIKANAN
(PENGAL 61)**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(KOMPLEKS Pendaratan Ikan), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Pentadbiran kompleks.
4. Sekatan masuk ke dalam kompleks.
5. Permohonan bagi permit kenderaan.
6. Soalsiasat orang-orang yang berada di atas atau di dalam mana-mana jeti atau premis.
7. Sekatan ke atas kapal yang boleh menggunakan kompleks.
8. Penggunaan jeti.
9. Kenderaan.
10. Peruntukan-peruntukan rampaian.
11. Stor pukot.
12. Bangsal membaiki pukot.
13. Penjualan ais.
14. Penggunaan bekalan elektrik.
15. Penjualan dll. ikan dilarang.
16. Perbuatan-perbuatan yang dilarang.
17. Nelayan kecil-kecilan.

18. Kesalahan-kesalahan.
19. Pengeluaran orang dari kompleks.
20. Bayaran.
21. Kawasan-kawasan pendaratan lain.
22. Pengecualian.

JADUAL PERTAMA — KOMPLEKS PENDARATAN IKAN

JADUAL KEDUA — BAYARAN PERMIT

BAYARAN KERANA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN
SUATU KOMPLEKS

BAYARAN PERKHIDMATAN KE ATAS IKAN IMPORT

**AKTA PERIKANAN
(PENGAL 61)**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(KOMPLEKS PENDERATAN IKAN), 2002**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5 dari Akta Perikanan, maka Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perikanan (Kompleks Pendaratan Ikan), 2002.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, "kompleks" bermakna suatu kompleks pendaratan ikan yang disebut dalam Jadual Pertama.

Pentadbiran kompleks.

3. Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan kawalan semua kompleks.

Sekatan masuk ke dalam kompleks.

4. Tiada sesiapa pun boleh memasuki mana-mana kompleks untuk tujuan memuat, memunggah, mengambil, menjual, membeli atau menawarkan untuk menjual atau membeli, ikan melainkan jika dia adalah pemegang suatu permit kenderaan yang dikeluarkan di bawah peraturan 5.

Permohonan bagi permit kenderaan.

5. (1) Setiap permohonan bagi suatu permit kenderaan untuk memasuki mana-mana kompleks hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengarah dan hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut —

- (a) nama, nombor kad pengenalan dan alamat pemohon;
- (b) nama dan alamat perniagaan pemohon, jika ada;
- (c) tujuan menghendaki permit itu; dan

(d) maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

(2) Permit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengarah dan hendaklah sah bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

(3) Bayaran yang kena dibayar berkaitan dengan suatu permit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(4) Pengarah dalam mengeluarkan permit itu hendaklah membenarkan sebilangan orang sahaja yang akan terlibat dalam memuat, memunggah, menyimpan, mengambil, menjual atau membeli ikan untuk memasuki kompleks tersebut, dan hendaklah mengeluarkan kepada tiap-tiap orang itu, termasuk pemegang permit tersebut, suatu lencana untuk dipakai apabila memasuki kompleks itu.

Soalsiasat orang-orang yang berada di atas atau di dalam mana-mana jeti atau premis.

6. Mana-mana orang yang berada di atas, di dalam atau memohon untuk memasuki mana-mana jeti, premis atau kapal di mana-mana kompleks hendaklah, jika diminta demikian oleh seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa, menyatakan nama dan alamatnya dan jenis dan tempat perniagaannya di dalam atau di atasnya, dan mana-mana orang itu yang gagal memuaskan hati Pegawai Yang Diberi Kuasa itu bahawa dia adalah seorang ahli krew sesebuah kapal yang menggunakan secara sah kompleks itu atau diambil bekerja sebagai buruh pelabuhan hendaklah, jika diminta demikian, mengemukakan untuk pemeriksaan kepada Pegawai Yang Diberi Kuasa itu sebarang kebenaran yang mungkin telah dikeluarkan kepadanya.

Sekatan ke atas kapal yang boleh menggunakan kompleks.

7. (1) Mana-mana kapal yang dipunyai oleh seseorang yang telah dikeluarkan suatu lesen di bawah Bahagian IV Akta tersebut boleh menggunakan suatu kompleks.

(2) Pengarah atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa hendaklah menetapkan tempat atau tempat-tempat di mana kapal-kapal boleh berlabuh di suatu kompleks.

(3) Tiada kapal boleh berlabuh di suatu kompleks tanpa kebenaran Pengarah atau melainkan menurut sebarang kebenaran tersebut.

(4) Berlabuh di kompleks itu hendaklah dibenarkan atas dasar siapa dulu didahulukan siapa kemudian dikemudiankan.

(5) Sesebuah kapal yang telah selesai memuat atau memunggah, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dengan serta-merta meninggalkan kawasan memuat melainkan jika dan setakat mana Pengarah membenarkan juragan kapal itu untuk terus berada di kawasan itu.

Penggunaan jeti.

8. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran Pengarah atau seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa, menggerakkan, memindah atau mengganggu atau menghalang atau mengadakan penggunaan sebarang kren, peralatan atau jentera yang digunakan di atas jeti di suatu kompleks.

(2) Tiada sesiapa pun boleh menjalankan di atas jeti di suatu kompleks sebarang kegiatan, termasuk membubul pukut dan kerja jentera dan pertukangan kayu, selain dari kegiatan yang melibatkan atau berhubung dengan memuat atau memunggah dari sesebuah kapal.

(3) Tiada sesiapa pun boleh melakukan atau menyebabkan sebarang gangguan atau halangan di atas jeti di suatu kompleks.

Kenderaan.

9. (1) Tiada sesiapa pun boleh, tanpa kebenaran seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa, membawa ke jeti di suatu kompleks atau memandu sebarang kenderaan di atasnya.

(2) Seseorang yang memandu sesebuah kenderaan di suatu kompleks hendaklah memandunya pada setiap masa dengan cermat dan berhati-hati dan tidaklah boleh memandunya pada kelajuan yang melebihi dari 10 kilometer sejam.

(3) Tiada sesiapa pun boleh meletakkan sesebuah kenderaan di suatu kompleks di mana-mana tempat yang bukan kawasan yang ditetapkan oleh Pengarah sebagai suatu kawasan di mana kenderaan boleh diletakkan.

Peruntukan-peruntukan rampaian.

10. (1) Tiada sesiapa pun boleh menggunakan mana-mana kawasan di suatu kompleks yang ditetapkan oleh Pengarah atau seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa sebagai suatu kawasan penyisihan ikan bagi sebarang tujuan selain dari menyisih, mengais, menimbang atau memeriksa ikan, atau membasuh kotak-kotak ikan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh menggunakan mana-mana kawasan di suatu kompleks yang ditetapkan oleh Pengarah atau seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa sebagai suatu kawasan penyimpanan kotak-kotak ikan bagi sebarang tujuan selain dari penyimpanan kotak-kotak ikan.

{3} Pengarah dan mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa tidaklah bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan yang berlaku kepada orang-orang, atau kehilangan atau kerosakan pada harta, yang dialami oleh pemegang-pemegang suatu permit atau oleh orang-orang yang tidak dibenarkan di suatu kompleks, melainkan jika kecederaan, kehilangan atau kerosakan tersebut berpunca dari kelalaian atau keingkaran yang disengajakannya.

Stor pukut.

11. (1) Tiada sesiapa pun boleh menggunakan mana-mana premis di suatu kompleks yang ditetapkan oleh Pengarah sebagai stor pukut bagi sebarang tujuan selain dari penyimpanan pukut atau sebarang bahan dan kelengkapan yang berkaitan.

(2) Penghuni mana-mana stor tersebut hendaklah —

(a) menjaga stor itu dalam keadaan bersih;

(b) memberi kepada seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa, yang dilantik oleh Pengarah, kunci pendua bagi stor itu; dan

(c) bertanggungjawab untuk membaiki sebarang kerosakan yang disebabkan oleh penghuni kepada stor itu dan untuk membayar kos membaiki kerosakan tersebut.

Bangsar membaiki pukut.

12. (1) Pengarah atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh menetapkan mana-mana premis di suatu kompleks sebagai bangsal membaiki pukut yang boleh digunakan untuk membaiki peralatan dan tali-temali.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan bangsal membaiki pukut hendaklah menyiapkan pembaikan yang berkenaan dalam suatu tempoh yang munasabah.

Penjualan ais.

13. (1) Bayaran bagi ais yang dipunyai oleh Kerajaan hendaklah melalui kupon yang dijual di kompleks itu.

(2) Tiada sesiapa pun boleh membayar atau menerima wang tunai, atau cuba berbuat demikian, bagi pembekalan ais yang dipunyai oleh Kerajaan.

Penggunaan bekalan elektrik.

14. Tiada sesiapa pun boleh menggunakan bekalan elektrik di suatu kompleks tanpa kebenaran Pengarah atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa.

Penjualan dll. ikan dilarang.

15. Tiada sesiapa pun boleh di suatu kompleks membeli, menjual secara runcit atau menjual ikan kepada orang ramai.

Perbuatan-perbuatan yang dilarang.

16. Tiada sesiapa pun boleh di suatu kompleks —

- (a) meminum minuman keras;
- (b) terlibat dalam perjudian;
- (c) berkelakuan dengan cara merusuh, tidak senonoh, lucah atau buruk;
- (d) menggunakan bahasa atau berkelakuan dengan cara yang dikira boleh menyebabkan gangguan atau keadaan tidak aman;
- (e) sebarang kegiatan lain yang bertentangan dengan undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Nelayan kecil-kecilan.

17. (1) Nelayan kecil-kecilan boleh diberikan suatu permit tetap oleh Pengarah untuk menggunakan suatu kompleks tertakluk kepada pemuatan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Dalam peraturan ini, "nelayan kecil-kecilan" bermakna nelayan yang menggunakan sebuah bot selain dari bot yang menggunakan enjin di dalam.

Kesalahan-kesalahan.

18. (1) Mana-mana orang yang melanggar sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilanggar oleh atau berhubung dengan sebarang kapal, juragan dan tuannya kapal tersebut adalah juga melakukan kesalahan itu.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap peraturan kecil (1) atau (2) boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,500 dan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun.

Pengeluaran orang dari kompleks.

19. Seseorang yang melanggar peraturan 4, 6, 8, 9, 15 atau 16 boleh, tanpa menjejaskan hukuman yang ditetapkan oleh peraturan 18, dikeluarkan dari kompleks itu atau mana-mana bahagian kompleks itu oleh Pengarah, seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa atau pegawai polis.

Bayaran.

20. Bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dibayar berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut dalam bayaran itu.

Kawasan-kawasan pendaratan lain.

21. Bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua boleh juga dikenakan kepada kawasan-kawasan pendaratan lain yang ditetapkan oleh Pengarah.

Pengecualian.

22. Pengarah boleh jika difikirkannya patut mengecualikan mana-mana orang dari semua atau sebarang peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL PERTAMA

(peraturan 2)

KOMPLEKS PENDARATAN IKAN

1. Kompleks Pendaratan Ikan, Muara
2. Pusat Perikanan Kuala Belait
3. Kawasan-kawasan pendaratan ikan lain yang ditetapkan oleh Pengarah.

JADUAL KEDUA

(peraturan 20)

BAYARAN PERMIT

BAHAGIAN I

**BAYARAN BAGI PERMIT SEMENTARA KENDERAAN KERANA
MENGUNAKAN RUANG DI SUATU KOMPLEKS**

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Kereta, van, station wagon, motosikal dengan pengangkut sisi atau lori pikap (tidak melebihi berat tanpa muatan 1500 kg) | \$1.00 setiap 2 jam atau sebahagiannya |
| 2. | Lori, bas atau trak (melebihi berat tanpa muatan 1500 kg) | \$2.00 setiap 2 jam atau sebahagiannya |
| 3. | Motosikal | \$0.50 setiap 2 jam atau sebahagiannya |
| 4. | Traktor kontena (dengan atau tanpa treler atau kren bergerak) | \$10.00 setiap 2 jam atau sebahagiannya |

BAHAGIAN II

**BAYARAN BAGI PERMIT KENDERAAN BULANAN KERANA
MENGUNAKAN RUANG DI SUATU KOMPLEKS**

- | | | |
|----|--|-----------------|
| 1. | Kereta, van, station wagon, motosikal dengan pengangkut sisi atau lori pikap (tidak melebihi berat tanpa muatan 1500 kg) | \$15.00 sebulan |
| 2. | Lori, bas atau trak (melebihi berat tanpa muatan 1500 kg) | \$30.00 sebulan |
| 3. | Motosikal | \$5.00 sebulan |

BAYARAN KERANA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN SUATU KOMPLEKS

- | | | |
|----|--|---|
| 1. | Dewan pembungkusan | tidak melebihi \$54.00 setiap meter persegi sebulan |
| 2. | Pejabat peraih: | \$10.00 setiap meter persegi sebulan |
| 3. | Bangsai: | |
| | a. membubul pukat | \$1.00 sehari atau sebahagiannya |
| | b. menyimpan pukat | \$2.00 sehari atau sebahagiannya |
| 3. | Bayaran berlabuh bagi kapal yang didaftarkan di Brunei | \$0.10 setiap tan kasar bagi setiap kapal sehari atau sebahagiannya |
| | Bayaran berlabuh bagi kapal yang tidak didaftarkan di Brunei — | |
| | a. bot yang menggunakan enjin motor sangkut | \$10.00 sejam atau sebahagiannya |
| | b. bot yang menggunakan enjin di dalam | \$20.00 sejam atau sebahagiannya |
| 5. | Angkat susun | \$3.00 setiap palet |
| 6. | Elektrik | \$10.00 sejam atau sebahagiannya |

BAYARAN PERKHIDMATAN KE ATAS IKAN IMPORT

- | | | |
|----|--|-----------------------|
| 1. | Satu kontena atau sebarang bekas lain yang mengandungi tidak lebih dari 50 kilogram ikan | \$0.50 setiap kontena |
| 2. | Satu kontena atau sebarang bekas lain yang mengandungi lebih dari 50 kilogram tetapi kurang dari 100 kilogram ikan | \$1.50 setiap kontena |

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 18 haribulan Mei, 2002.

PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ABDUL RAHMAN BIN
DATO SETIA HAJI MOHD TAIB
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.